Sekarang saya suka-lah hendak menjawab kepada Ahli Yang Berhormat, Che' Ajibah binti Abol daripada Sarawak, ia-itu dia merayu tentang sekatan di-dalam Malaysia, dan saya bersetuju dengan dia di-dalam negeri<sup>2</sup> di-Malaysia ini patut ta' usah ada-lah sekatan, atau perjalanan di-antara satu negeri dengan satu negeri yang lain, tetapi saya suka menyatakan, ia-itu tidak ada sekatan, chuma ada control sahaja, ia-itu control ini ia-lah dengan kehendak Kerajaan Sabah dan Sarawak atas orang<sup>2</sup> yang hendak masuk ka-Sabah dan Sarawak. Bagi kita di-Tanah Melayu ini, kita tidak sa-kali<sup>2</sup> hendak menyekat orang<sup>2</sup> Sabah dan Sarawak itu datang ka-mari, dan atas soal paspot ini, ia-itu di-kehendaki membawa paspot, jikalau belayar atau terbang daripada Borneo, atau pun dari Sarawak ka-mari, ia-itu mengikut undang<sup>2</sup> bila kita menyeberang sahaja, di-katakan international order, terpaksa-lah kita membawa paspot.

The Honourable Member for Bagan requests that Operation Service be revived by the Police. Now, Mr Chairman, Sir, Operation Service was introduced by the former Commissioner of Police during the height of the

Emergency to foster better relationship between the Police and the public. This was a very great success and the Police decided to adopt Operation Service. Hence, the motto "Bersedia Berkhidmat". Every effort has been made, is being made, and will be made by Senior Police Officers to see that the members live up to the motto. To further ensure that the already good public/police relationship is maintained, Police Week is held annually. During this period members of the public are invited to call at police stations and other establishments and see for themselves the work that the Police do. This has proved a very great success and we will continue with it.

Now, the Honourable Enche' Tan Cheng Bee also raised the question of the salary of Inspectors. He says it needs revision—according to him the last revision was in 1947. Now, the salary of Inspectors was last revised in 1957, not 1947. A claim for revision has been submitted to the Police Council and it would be considered by the Salaries Review Commission of which I have mentioned earlier.

I think I have, somehow or other, not finished with the Honourable Member for Batu, because he makes such lengthy and varied speeches that in my reply I got the whole thing jumbled up. So, I go back again to the Member for Batu. He said that he hoped that when the Sarawak Detention Camp was ready, the Sarawak detainees would be transferred back to Sarawak. I in no way implied that when those detainees were transferred to Batu Gajah they were transferred because of lack of accommodation. I said they were transferred, because they were the hard core and that they would contaminate the others there, if they were allowed to remain there. However, I will keep an open mind on this, and if I find that the detention camp in Sarawak is conducive to the return of these detainees, I certainly will try to do it, because I am trying to be as humane as possible on this matter of detention. Then as regards his allegation that the detainees in Singapore are being ill-treated by the Special

Branch, I think it has been announced that an investigation is being made into this, and I shall inform the Honourable Member of the result.

Then, he said that, there was a post of Police Information Officer in the Estimates of the Peninsula component of the Royal Malaysia Police, but it appeared that this officer was not very accessible to the press. He noted that press statements were issued by Police Officers, e.g., O.C.C.I., in Singapore—he could not pinpoint such a post and press conferences were held as often as twice a day and he hopes the situation would prevail in the Peninsula. Sir, the Police Information Officer, formerly known as Police Liaison Officer, liaise with the press on public matters on behalf of the Commissioner of Police and not on behalf of the Chief Police Officer. Chief Police Officers are not provided with Information Officers, and press conferences or briefings are given by Police Officers to whom such authority is delegated. The Police Information Officer does provide information to the press if and when there is information to be given to the public. Then, I think, the last point he has brought up was the question of Pulau Senang.

**Dr Tan Chee Khoon (Batu):** May I ask the Honourable Minister concerned the other point that I raised. Although there is a Police Press Officer in Singapore it is not stated in the Estimates. May we have an explanation for that?

**Dato' Dr Ismail:** I will make a search of that, probably it is hidden somewhere. I will communicate to the Honourable Member. As you know, the estimate for the Police is such a huge estimate. I will be grateful if the Honourable Member will be contented if I communicate with him on this; and if other Honourable Members are interested, I will communicate with them too. I apologise for not being able to answer him on the spot.

Now, Sir, coming back to the question of Pulau Senang. The opening of Pulau Senang depends on the outcome of the inquiry. The date of this inquiry is not fixed yet. At the moment only

a skeleton maintenance staff is sent out regularly to Pulau Senang for cleaning, etc., and no one is detained on the island at the moment.

Now, I come to the Honourable Member for Menglembu. He referred to assaults by police, and suggested that persons arrested on bailable offences should not be detained for one minute longer than necessary. He said that the order for remand should be for remand in prison and not in police station lock-up in accordance with the practice in India. Then, of course, he mentioned that as soon as a person was arrested and put in a police station action should be taken by the Police to allow his close relatives to visit him. He said that there is no safeguard against police officers producing a false statement in court purported to have been made by an accused persons, that as the law stand it is admissible even without the signature of the accused, and he suggested that such a statement should be signed by the accused, and a copy of the statement be made available to the accused.

Sir, I would like to say this is for the information of other Honourable Members, not to the Honourable Member because he is quite conversant with it: Section 117 of the Criminal Procedure Code states, briefly, that when a person is arrested and detained in custody and it appears that the investigation cannot be completed within the period of twenty-four hours fixed by Section 28 of that C.P.C., and there are grounds for believing that the accusation or information is well founded, the Police officer making the investigation shall forthwith transmit to a Magistrate a copy of the entries in the diary relating to the case and shall at the same time forward the accused to such Magistrate. Now, section (ii) of 117, C.P.C., empowers the Magistrate, whether he has jurisdiction or not to try the case, from time to time to authorise the detention of the accused in such custody as the Magistrate thinks fit for a term not exceeding fifteen days in the whole. Now, the law also states that the Magistrate must record his reasons for awarding police custody. That is what

the law says and this practice has been followed in this country for a long, long time and has been found very satisfactory. Now, in cases where specific charges had been framed against the accused within twenty-four hours of the arrest, he or she is produced in open court and the Magistrate normally commits the accused person to prison custody. Even on occasions like this, if Police custody is desired for investigation purposes, e.g., taking the accused to the scene of crime, etc., the police can apply for police custody and it is entirely up to the Bench whether to grant this or not.

Now, in regard to allegations of assault by Police officers or any other malpractices, they are so few that no specific records are available for this purpose. The House is assured that cases in this country against Police officers are dealt with departmentally or by the courts of the country and most serious view is taken, and where most serious view is taken the law, in fact, in its application as it stands, is very satisfactory. No departure from the law has ever come to our minds.

Now, I think, I come to his question about "as soon as a person is arrested and put in a police station, action should be taken by the police to allow his close relatives to visit him". I think the answer is that this will be arranged if and when investigation has been completed.

Now, his last suggestion about no safeguard against Police officers to produce a false statement in court. I am glad to have his suggestion. I must thank the Honourable Member for it, and will consider it.

Ahli Yang Berhormat daripada Lipis mengatakan Pudu Prison ini supaya di-pindahkan daripada tempat-nya yang mana prison ini boleh di-gunakan oleh lain<sup>2</sup>. Chadangan sa-macam ini memang-lah sedang di-kaji dan Kementerian saya tengah menchari di-manakah tempat yang lain patut di-tubuhkan Pudu Prison ini.

Berkenaan dengan Penapis Filem, saya sudah jawab tadi bagitu-lah jawapan saya kepada Yang Berhormat itu.

The Honourable Member for Seremban Barat raised the question of fruit machines and pin-tables. He said that they are operated illegally and that action must be taken.

Sir, the fruit machines—I think they are normally called “one-arm bandits”—are legally ruled as a lottery in the terms of the Lotteries Ordinance, 1952. The policy regarding these machines is that permits to operate them will only be provided to *bona fide* sports clubs and social clubs, and that the machines must be the exclusive property of the clubs concerned and not on hire from a third party. The licensing authority for these machines is the Ministry of Finance.

Now, as regards pin-tables, they can be operated and licensed under the Theatres and Places of Public Amusement Ordinance, 1936 and licence has to be obtained from a District Officer. The Police are always on the watch and look-out for persons operating these machines illegally, and I wish to assure the Honourable Member that the Police are fully alive to this problem and are doing their best to eradicate this illegal practice.

Now, Sir, I think I have come to the last Honourable Member. Berkenaan dengan Yang Berhormat dari Pasir Mas Ulu, ucapan dia sungguh pun kelakar tetapi menggigit juga, Tuan Pengerusi. Yang pertama dia kata minta I.G.P. ini kenapa-kah lagi di-gunakan orang puteh. Saya telah beri tahu ia-itu bagi sementara yang mana menubuhkan Malaysia, saya telah beri tahu I.G.P. orang puteh ini akan habis-lah masa-nya pada akhir tahun hadapan—tahun 1965.

Kemudian dia mengatakan ia-itu sa-orang ahli polis yang telah berkhidmat 18 tahun telah di-tukar sa-lama 24 kali, ini tidak memuaskan memandang kapada pengajian anak<sup>2</sup> anggota polis itu yang tergendala. Saya tidak dapat mengambil sa-barang tindakan di-atas perkara ini, nama pegawai itu tidak di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Lazim-nya perkara<sup>2</sup> yang samacham ini tidak berlaku. Tetapi oleh sebab apa yang di-katakan orang orang puteh *exigency of service*

pegawai<sup>2</sup> itu terpaksa-lah di-tukarkan; biasa-nya sa-belum sa-orang pegawai itu di-tukarkan soal kebajikan itu di-timbangkan dahulu.

I think I have answered, if not all, most of the observations made by Honourable Members. But if I have failed to answer the other observations, I will certainly take note of them and, wherever possible, I will try to consider them. Thank you.

Question put, and agreed to.

The sums of—

\$8,971,427 for Head S. 33;  
 \$169,698,357 for Head S. 34;  
 \$3,481,350 for Head S. 35;  
 \$15,633,782 for Head S. 36;  
 \$4,994,006 for Head S. 37;  
 \$226,740 for Head S. 38;  
 \$3,130,135 for Head S. 39; and  
 \$957,182 for Head S. 40

ordered to stand part of the Schedule.

*Heads S. 41-S. 44—*

**The Minister of Information and Broadcasting (Enche' Senu bin Abdul Rahman):** Tuan Pengerusi, Dengan izin tuan saya berchadang akan mengemukakan dengan sarentak Kepala<sup>2</sup> S. 41, S. 42, S. 43 dan S. 44 dibawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran.

Tuan, dengan hormat-nya saya mengemukakan perbelanjaan yang ditunjukkan di-bawah Kepala<sup>2</sup> 41, 42, 43 dan 44 berjumlah \$28,846,545 supaya di-luluskan.

Tuan Pengerusi, peranan biasa yang di-mainkan oleh Kementerian yang ditugaskan untok berhubung dengan orang ramai di-mana<sup>2</sup> negeri pun di-dunia ini ia-lah untok menghibor, memberi penerangan dan memberi pengajaran kapada ra'ayat jelata. Tetapi kerana negara kita ini ada-lah satu negara yang muda maka ada-lah sangat<sup>2</sup> mustahak bagi Kerajaan untok menggunakan semua sumber<sup>2</sup> yang ada bagi menyampaikan kehendak<sup>2</sup>, chita<sup>2</sup> dan keperluan<sup>2</sup> ra'ayat kita. Oleh itu, Kementerian saya sungguh<sup>2</sup> berazam akan menggunakan semua kemudahan<sup>2</sup> yang ada untok pembinaan negara dan di-samping itu menanamkan semangat chinta dan

kasehkan tanah ayer kita Malaysia kepada seluroh gulongan ra'ayat. Ini ada-lah menjadi satu di-antara mat-lamat<sup>2</sup> kita.

Dengan timbul-nya konfrantasi dan pencherobohan Indonesia maka ke-utamaan telah di-beri untok menghe-bahkan kepada negeri<sup>2</sup> di-seberang laut mengenai kemajuan<sup>2</sup> politik, sosial dan pembangunan iktisad di-negara kita. Dalam menjalankan kerja<sup>2</sup> untok menchapai tujuan<sup>2</sup> ini, ketiga<sup>2</sup> jabatan di-bawah Kementerian saya menyatukan tenaga, dan walau dalam apa pun jurusan mereka bekerja, maka matlamat yang di-tuju ada-lah sama.

Filem Negara kita ada-lah memainkan peranan yang penting dalam lapangan ini dengan menggambarkan kejayaan<sup>2</sup> dan kemajuan<sup>2</sup> yang telah kita chapai di-dalam segala lapangan sama ada di-bidang Pembangunan Luar Bandar, Perpaduan Kebangsaan mahu pun dalam bidang diplomasi. Semua gambar<sup>2</sup> yang di-keuarkan-nya ada-lah menunjukkan dengan jelas peranan yang chergas yang di-mainkan oleh tiap<sup>2</sup> orang ra'ayat Malaysia di-dalam tugas-nya sa-hari<sup>2</sup> di-dalam lapangan dan chara kehidupan yang mereka pilih sendiri.

Berkenaan dengan soal pencherobohan Indonesia ini, kita telah berbuat segala<sup>2</sup> yang terdaya oleh kita untok menghalang dan menolak diayah<sup>2</sup> palsu dan khianat mereka itu. Chara jawapan kita ia-lah dengan jalan menyebarkan perkara<sup>2</sup> yang benar di-samping mendedahkan tembelang pem-bohong<sup>2</sup> mereka dan perkara<sup>2</sup> yang sa-tengah benar serta fitnah<sup>2</sup> yang mereka lemparkan kepada kita. Kita tidak pernah menggunakan diayah<sup>2</sup> murah, berita<sup>2</sup> palsu, chachi-menchachi serta membidas peribadi sa-saorang saperti yang di-lakukan oleh Radio Republik Indonesia terhadap negara dan pemimpin<sup>2</sup> kita di-Malaysia. Kejayaan<sup>2</sup> kita di-dalam lapangan penyiaran boleh di-buktikan dengan ada-nya larangan keras oleh Regim Jakarta kepada ra'ayat Indonesia daripada mendengar siaran<sup>2</sup> kita. Kesalahan kerana mendengar siaran<sup>2</sup> kita boleh di-jatuhkan hukuman berat hingga kepada hukuman bunoh sa-

kali pun di-Indonesia mengikut perintah Sukarno yang di-namakan Edict No. 13 yang di-kuat-kuasakan pada bulan November, 1963. Walau pun demikian, menurut laporan<sup>2</sup> dan berita<sup>2</sup> yang kita terima, kita tahu bahawa ranchangan<sup>2</sup> siaran kita ada-lah tetap menjadi kesukaan ramai dan di-ikuti oleh ra'ayat Indonesia; kerana bagi mereka itu siaran<sup>2</sup> kita itu-lah sahaja yang menjadi sumber tempat mereka mendapat berita yang sa-benar<sup>2</sup>-nya berlaku di-dalam dan di-luar negeri.

Di-bidang penerangan pula, Jabatan ini ada-lah dengan giat-nya terus menerus menerbit dan membekalkan kedutaan<sup>2</sup> dan perwakilan<sup>2</sup> kita di-seberang laut dengan makallah<sup>2</sup>, penerbitan<sup>2</sup> dan sa-bagai-nya mengenai Malaysia untok di-sebar dan di-bahagikan<sup>2</sup> di-negara<sup>2</sup> asing itu. Pegawai<sup>2</sup> Penerangan kita ada-lah juga di-tugaskan berkhidmat di-beberapa kedutaan<sup>2</sup> kita sa-bagai attache<sup>2</sup> penerangan dengan bertambah-nya bilangan kedutaan<sup>2</sup> kita di-Afrika dan di-Timor Tengah tidak lama lagi, maka lebeh ramai lagi pegawai<sup>2</sup> penerangan akan berkhidmat di-seberang laut. Tugas mereka ini yang utama ia-lah mem-perkenal dan menjelaskan kepada dunia perkara yang sa-benar-nya mengenai negara kita Malaysia ini.

Di-masa kita berikhtiar untok mem-boktikan kepada dunia kebenaran kita, kita tidak pula lupa bahawa ra'ayat kita ada-lah terdedah kepada penye-ludupan, subversif dan pencherobohan dari musuh kita di-satiap ketika. Perjuangan kita untok menawan hati dan fikiran ra'ayat kita ada-lah ber-jalan sarentak dengan kegiatan<sup>2</sup> kita di-seberang laut. Ini-lah sebab-nya maka kita telah meminta tambahan mobile unit supaya semua ra'ayat yang tinggal di-mana<sup>2</sup> pun juga biar pun di-pelusok<sup>2</sup> kampong dapat di-beri tahu keadaan<sup>2</sup> yang sedang berlaku dan perkara<sup>2</sup> yang sa-benar. Pegawai<sup>2</sup> Luar Penerangan kita akan terus menerus menjalankan tugas mereka saperti yang telah di-buat di-masa<sup>2</sup> yang lepas.

Lebeh banyak lagi steshen<sup>2</sup> Radio dan alat pemancar sedang di-bina

di-seluruh negeri untuk membolehkan ra'ayat kita mendengar siaran<sup>2</sup> dengan lebeh sempurna lagi. Hampir<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> negeri sekarang ini ada steshen penyambung siaran dari ibukota negara. Tujuan mu'tamad kita ia-lah untuk menyampaikan siaran<sup>2</sup> ka-seluruh Malaysia menerusi *gelombang sederhana*.

Talivishen ada-lah satu perkhidmatan yang terbaharu dalam lapangan penerangan dan penyiaran. Siaran<sup>2</sup>-nya akan dapat di-nikmati oleh penduduk<sup>2</sup> di-serata negeri di-Malaya tidak berapa lama lagi. Rancangan<sup>2</sup> untuk mengadakan Talivishen di-Sarawak dan Sabah akan di-masokkan di-dalam rancangan<sup>2</sup> pembangunan kita yang akan datang. Boleh juga di-katakan bahawa mungkin perkhidmatan yang terbaharu ini belum boleh di-nikmati oleh penduduk<sup>2</sup> luar bandar kerana tidak mampu membeli peti<sup>2</sup> talivishen itu. Memang di-ketahui bahawa harga peti talivishen ada-lah mahal oleh itu beberapa peti talivishen perchuma telah di-pasang di-balai<sup>2</sup> raya dan tempat<sup>2</sup> orang ramai berhimpun untuk ra'ayat<sup>2</sup> kita di-kampung<sup>2</sup>. Sa-tengah<sup>2</sup> Kerajaan Negeri telah juga membeli peti<sup>2</sup> talivishen untuk di-hadiahkan ka-balai<sup>2</sup> raya dan pusat<sup>2</sup> perkumpulan orang ramai.

Dari apa yang telah saya katakan tadi, saya harap Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat akan bersetuju bahawa sa-barang apa juga rancangan<sup>2</sup> yang telah kita jalankan itu telah di-kaji dengan sa-halus<sup>2</sup>-nya dan sa-telah di-pertimbangkan dengan sa-dalam<sup>2</sup>-nya bahawa ia-nya ada-lah praktikal dan berkesan, baharu di-jalankan. Tujuan kita salama-nya ia-lah mencapai kejayaan yang sa-penoh<sup>2</sup>-nya. Itu-lah sebab-nya kita tidak melakukan sa-suatu yang di-fikirkan tidak praktikal. Kita perchaya kepada rancangan<sup>2</sup> yang memberi kesan dan faedah serta yang boleh di-jalankan. Sa-lain dari itu kita juga telah menimbang dengan teliti sumber<sup>2</sup> kewangan dan kebolehan kita. Kita perchaya bahawa wang sahaja tidak menchukupi; pegawai<sup>2</sup> yang terlatah dan mahir ada-lah menjadi faktor yang besar untuk menjamin kejayaan yang chemerlang di-dalam lapangan ini. Perbelanjaan yang di-

chadangkan untuk tahun hadapan itu ada-lah di-kemukakan sa-telah di-timbangan rancangan<sup>2</sup> dan juga kebolehan<sup>2</sup> yang baharu sahaja saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi,

Sekarang suka-lah saya memperkatakan mengenai Jabatan<sup>2</sup> di-bawah Kementerian saya satu persatu-nya.

#### KEMENTERIAN PENERANGAN DAN PENYIARAN

Di-bawah Kepala S. 41—Kementerian Penerangan dan Penyiaran sa-jumlah \$840,832 di-minta untuk tahun hadapan. Ini, sa-bagai Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat ketahui ada-lah satu tambahan yang agak besar daripada yang telah di-untokkan bagi tahun 1964. Bagaimana pun, tambahan ini sa-benarnya hanya sedikit sahaja dan di-sebabkan oleh kenaikan gaji yang biasa dan di-sebabkan oleh mengadakan tambahan jawatan<sup>2</sup> baharu untuk menyelenggarakan kerja<sup>2</sup> yang makin bertambah<sup>2</sup>. Kebanyakan daripada tambahan itu di-sebabkan oleh pemin-dahan keseluruhan satu bahagian—Bahagian Perniagaan—dari Jabatan Radio kepada Kementerian. Kementerian ini semenjak beberapa masa yang lalu telah dengan giat-nya meranchangkan perchantuman Jabatan<sup>2</sup> (integration) di-bawah Kementerian ini dengan tujuan hendak menambahkan lagi kecekapan dan kebolehan-nya untuk menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya yang sa-makin bertambah. Dan dengan itu juga dapat-lah di-jimatkan perbelanjaan dan sa-bagai-nya. Dengan pemindahan Bahagian Perniagaan kepada Kementerian, Kementerian ini akan bertanggung-jawab penoh mengawasi kepentingan<sup>2</sup> perkhidmatan perniagaan bagi radio dan talivishen. Ini ada-lah satu daripada langkah<sup>2</sup> dalam satu siri perubahan menuju kepada perchantuman itu. Ada-lah di-harapkan perchantuman ini akan dapat di-selenggarakan dengan sa-chepat mungkin.

Keperluan untuk menaikkan taraf jawatan Setia-usaha Kementerian ini telah lama di-anggap mustahak kerana tugas<sup>2</sup> dan tanggung-jawab<sup>2</sup>-nya telah berlipat ganda di-dalam beberapa tahun yang lepas. Juga perlu untuk

membetulkan keadaan yang tidak seimbang yang ada pada masa ini mengenai taraf<sup>2</sup> ketua<sup>2</sup> Jabatan di-satu pihak dan Setia-usaha Kementerian di-satu pihak lagi. Dengan perchantuman maka tanggung-jawab Setia-usaha akan bertambah lagi kerana dia ada-lah bertanggung-jawab sa-chara langsung mengenai pentadbiran, kewangan dan perkhidmatan semua jabatan di-bawah Kementerian ini.

Untuk menolong Setia-usaha menjalankan kerja<sup>2</sup> dan tanggung-jawabnya ia-lah Ketua Penolong Setia-usaha. Yang sa-benar-nya Kementerian ini ada-lah satu di-antara Kementerian yang maseh lagi tidak mempunyai sa-orang Ketua Penolong Setia-usaha. K.P.S.U. ini akan bertanggung-jawab sa-penoh-nya atas perkara<sup>2</sup> pentadbiran dan kerja<sup>2</sup> biasa sa-tiap hari dan dengan demikian Setia-usaha akan dapat peluang untuk menghadhiri meshuarat<sup>2</sup> berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> dasar dan lain<sup>2</sup> tugas yang penting.

Sa-lain dari itu K.P.S.U. ini juga akan mempunyai tanggung-jawab untuk meranchang dan mengatorkan perchantuman ini supaya ia-nya dapat berjalan dengan lichen and sempurna.

Mengadakan jawatan Jurutera Kanan untuk membantu Ketua Jurutera Peranchang ia-lah sa-bahagian daripada ranchangan untuk membawa seluruh susunan kejuruteraan yang ada dalam Jabatan Radio dan Talivishen di-dalam Kementerian ini. Apabila gerakan ini siap ada-lah di-harapkan untuk menjimatkan tenaga, perbelanjaan dan kerja<sup>2</sup> teknik yang lain kerana jurutera<sup>2</sup> di-dalam Kementerian akan menyelenggarakan kedua<sup>2</sup> perkhidmatan, Radio dan Talivishen.

#### JABATAN RADIO

Anggaran perbelanjaan di-bawah bekalan Kepala S. 42—Jabatan Radio—berjumlah \$13,125,632 telah di-susun untuk meliputi perbelanjaan<sup>2</sup> negeri<sup>2</sup> di-Malaya, Sabah dan Sarawak buat pertama kali-nya. Di-sini di-dapati tambahan yang agak banyak pada keseluruhannya di-semua negeri. Di-bawah Gaji (Personal Emoluments),

terdapat kenaikan taraf di-bahagian atasan perkhidmatan ini. Ini ada-lah untuk memberi perseimbangan dengan tambahan tanggung-jawab di-sebabkan kemasokan Sabah dan Sarawak di-bawah kuasa Pengarah Radio di-Ibu Pejabat. Juga di-sebabkan bertambah-nya tugas<sup>2</sup> tanggung-jawab. Sa-banyak 113 jawatan baharu telah terpaksa di-adakan untuk melayan tuntutan<sup>2</sup> yang berkehendakkan kepada perkhidmatan yang bertambah baik. Banyak lagi alat<sup>2</sup> pemancar yang lebeh kuat tenaga-nya akan siap dalam tahun hadapan ini. Juga ada-lah di-chadangkan untuk memperluaskan lagi Bahagian Berita dengan mengadakan beberapa pusat berita di-seluruh Malaysia.

Di-bawah Perbelanjaan Berulang<sup>2</sup> Tiap<sup>2</sup> Tahun tambahan-nya ia-lah sa-banyak \$540,211. Kebanyakan daripada tambahan ini ia-lah untuk membayar perbelanjaan menjalankan Steshen Pemancar yang mempunyai 3 alat pemancar baharu yang kekuatan tiap<sup>2</sup> satu-nya sa-banyak 100 kw di-Kajang. Tambahan itu juga untuk membayar chukai kastam pada alat<sup>2</sup> yang telah di-tempah tetapi tidak sempat di-masokkan dalam Anggaran Perbelanjaan tahun ini. Sa-bahagian daripada wang itu akan di-gunakan juga untuk membiayai lawatan<sup>2</sup> Orkes Radio Malaysia ka-negeri<sup>2</sup> di-seluruh Malaysia.

Di-bawah Perbelanjaan Khas tambahan-nya ia-lah sa-banyak \$122,668. Tambahan ini ia-lah kerana pembelian untuk menambahkan alat<sup>2</sup> teknik, jentera rakaman dan lain<sup>2</sup> untuk meluaskan lagi pemancaran-nya dan juga untuk memperchepatkan proses pengirisan benda<sup>2</sup> penyiaran ka-tiga<sup>2</sup> wilayah di-Malaysia dan juga kepada pertubohan<sup>2</sup> radio di-seberang laut atas dasar pertukaran ranchangan.

Perbelanjaan Jabatan ini sa-bahagian besar-nya di-dapati balek dengan jalan hasil<sup>2</sup> yang di-perolehi dari bayaran lesen<sup>2</sup> dan dari siaran perniagaan. Hasil yang di-dapati dari siaran perniagaan hingga 15hb December, 1964, ia-lah sa-banyak \$3,129,309 dan angka ini di-jangka akan meningkat sampai \$3,265,399 pada 31hb December ini.

Hasil dari jualan lesen radio pula hingga 30hb November, 1964, ia-lah sa-banyak \$3,182,639 dan di-jangka akan melebihi \$4 juta sa-belum akhir tahun ini. Jadi hasil yang di-perolehi dari siaran perniagaan dan jualan lesen ada-lah lebeh dari \$7.3 pula bagi tahun 1964.

#### JABATAN TALIVISHEN

Di-bawah Kepala S. 43—Jabatan Talivishen—peruntokan sa-banyak \$5,106,986 ada-lah di-minta untuk perbelanjaan<sup>2</sup> berkenaan dengan perkembangan perkhidmatan Talivishen untuk meliputi semua negeri di-Malaya. Seluroh Pantai Barat Malaya, dari Perlis di-utara hingga ka-Johor dan Singapura di-selatan akan dapat menikmati ranchangan<sup>2</sup> Talivishen dari satu atau pun dua saloran dalam tahun 1965 ini. Ada-lah juga di-harapkan bahawa negeri<sup>2</sup> di-Pantai Timor pun akan dapat menikmati Talivishen jika tidak di-akhir tahun 1965 ini, maka di-awal<sup>2</sup> tahun 1966. Dengan ada-nya saloran kedua, maka ini berarti masa siaran pun akan bertambah juga. Ini akan memerlukan penambahan kaki-tangan di-segala lapisan dan lapangan untuk memberi jaminan supaya nilai perkhidmatan itu tetap tinggi dan juga akan berjalan dengan lichen-nya. Ada-lah juga di-chadangkan untuk mengadakan siaran Perniagaan di-Talivishen dalam tahun ini.

Di-bawah Gaji, jumlah peruntokan yang di-minta ia-lah \$2,261,138 berbanding dengan \$1,630,975 dalam tahun 1964. Tambahan bilangan jawatan ia-lah dari 367 kepada 432 dan tambahan perbelanjaan sa-banyak \$630,163 ada-lah di-perlukan untuk jawatan<sup>2</sup> itu. Tidak ada kenaikan taraf jawatan di-minta dalam Anggaran ini. Juga di-dapati tambahan lebeh sedikit dari \$1½ juta di-bawah Perbelanjaan Berulang Tiap<sup>2</sup> Tahun. ini ia-lah untuk tambahan perbelanjaan ranchangan dan juga keperluan<sup>2</sup> Bahagian Kejuruteraan. Di-bawah Perbelanjaan Khas terdapat satu pengurangan sa-banyak \$49,490. Ini di-sebabkan terutama-nya kerana kurang barang<sup>2</sup> yang di-jangka akan di-beli pada tahun 1965 ini oleh sebab barang<sup>2</sup> yang di-beli maseh baharu dan dapat di-gunakan lagi.

Saperti juga dengan Radio, Jabatan Talivishen pun ada-lah sa-buah jabatan yang mendatangkan hasil. Ada-lah di-anggarkan bahawa di-dalam tahun 1964, Jabatan ini akan dapat mengeluarkan sa-jumlah kira<sup>2</sup> 23,000 lesen Talivishen dengan jumlah hasil sa-banyak \$552,000. Bilangan ini ada-lah 18,000 lebeh dari yang di-jangkakan. Dalam tahun 1965 bilangan lesen<sup>2</sup> yang akan di-keluarkan akan bertambah dan ada-lah di-jangka hasil-nya akan mencapai \$690,000. Anggaran hasil yang akan di-dapati daripada Siaran Perniagaan di-Talivishen pada tahun pertama ia-lah lebeh kurang \$1.5 juta.

#### JABATAN PENERANGAN

Perkhidmatan Penerangan telah di-khaskan peruntokan sa-jumlah \$9,773,095 untuk tahun hadapan ini. Jumlah ini menunjukkan tambahan sa-banyak \$1.37 juta daripada anggaran tahun 1964.

Sa-jumlah \$423,614 daripada tambahan itu ia-lah untuk 129 jawatan baharu; di-antara-nya 79 jawatan di-Sarawak dan Sabah dan 35 jawatan di-Filem Negara, Malaysia.

Dengan wujud-nya Malaysia, lengkongan tanggung-jawab perkhidmatan Penerangan di-Sarawak dan Sabah telah terpaksa di-tambah dengan banyak-nya. Ini ia-lah untuk menyamakan taraf dan darjah dengan yang telah di-chapai di-negeri<sup>2</sup> lain di-Malaysia dan juga untuk menjalankan tugas<sup>2</sup> seranta dan peperangan saraf.

Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat tentu ingat bahawa di-awal tahun ini satu rombongan pegawai<sup>2</sup> kanan dari Kementerian Penerangan dan Penyiaran telah di-hantar ka-Sarawak dan Sabah untuk mengkaji susunan Penerangan dan Penyiaran di-sana dan untuk mengemukakan shor<sup>2</sup> untuk penyusunan samula dan memperluaskan perkhidmatan<sup>2</sup> itu.

Sa-bagai hasil dari penerimaan Kerajaan atas shor<sup>2</sup> rombongan itu, maka kerja<sup>2</sup> sekarang sedang di-jalankan untuk menambahkan lagi kaki-tangan Perkhidmatan Penerangan di-Sarawak dan Sabah terutama-nya dalam lapangan Unit<sup>2</sup> Seranta di-luar bandar.

Pegawai<sup>2</sup> kanan dari negeri<sup>2</sup> di-Semenanjung telah juga di-hantar ka-Sarawak dan Sabah untuk membantu projek memperkembangkan penerangan di-kedua<sup>2</sup> negeri itu yang sedang di-jalankan pada masa ini. Rancangan<sup>2</sup> sekarang ini sedang di-jalankan untuk mengambil orang<sup>2</sup> baharu menjadi kakitangan<sup>2</sup> tambahan. Sa-lepas lathen permulaan-nya mereka ini akan ditugaskan berkhidmat di-kedua<sup>2</sup> negeri itu. Mereka itu akan mengendalikan unit<sup>2</sup> seranta luar bandar dan juga akan membantu menjalankan gerakan seranta dan peperangan saraf terhadap pencherobohan Indonesia.

Dalam negeri<sup>2</sup> di-Semenanjung juga, seranta telah terpaksa di-tambah kerana pencherobohan dan penye-ludupan Indonesia, terutama-nya sa-lepas berlaku-nya pendaratan di-Pontian dan Labis. Seranta berkenaan dengan projek<sup>2</sup> pembangunan negara dan luar bandar dan lain<sup>2</sup>-nya telah juga di-perhebatkan dengan pesat-nya. Ini ada-lah kerana kita berpendapat bahawa seranta saperti ini sangat besar faedah-nya kepada negara dan bangsa terutama di-masa kemerdekaan, kedaulatan dan perpaduan negara kita ini sedang di-ancham dari dalam dan luar.

Telah juga di-buat tambahan dalam peruntukan bagi kempen<sup>2</sup> seranta dan penerbitan, ini ada-lah kerana perlunya di-adakan lebeh banyak lagi alat<sup>2</sup> seranta di-dalam dan di-luar negeri. Satu lagi perkara yang sangat<sup>2</sup> mustahak ia-lah Seranta Luar Negeri. Perhatikan yang berat sedang di-beri berkenaan dengan-nya pada masa ini. Ini ada-lah kerana kempen seranta khas yang lebeh luas akan di-buat tidak lama lagi di-luar negeri terutama sakali di-negara<sup>2</sup> Africa dan Asia dimana kesedaran sedang bertambah<sup>2</sup> mengenai pencherobohan Indonesia terhadap Malaysia.

#### FILEM NEGARA, MALAYSIA

Filem Negara telah berpindah ka-studio baharu-nya di-Petaling Jaya. Studio ini mempunyai kemudahan<sup>2</sup> dan alat<sup>2</sup> teknik yang chukup untuk Filem Negara menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya yang sa-makin bertambah<sup>2</sup>.

Hingga pada masa yang terakhir ini, Kekurangan tempat dan alat<sup>2</sup> telah menyebabkan Filem Negara tidak dapat membuat ranchangan<sup>2</sup> yang besar dan memakan masa yang lama terutama dalam lapangan pengeluaran filem<sup>2</sup> dokumentari dan filem<sup>2</sup> pembangunan luar bandar.

Sa-bagaimana Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sedia ma'alum, Filem Negara mempunyai nama baik dan harum di-dunia antara bangsa kerana mutu pengeluarannya yang tinggi. Saya yakin dengan adanya studio<sup>2</sup> baharu dan alat<sup>2</sup> baharu maka pengeluaran dan mutunya akan bertambah<sup>2</sup> baik lagi.

Saya perchaya Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat tantu ma'alum tentang kedudukan negara kita pada masa ini dan tentang penting dan mustahak-nya tugas Kementerian Penerangan dan Penyiaran yang menjadi alat sa-bahagian daripada alat peperangan untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara kita. Saya rasa perbelanjaan yang di-minta ini ada-lah sangat<sup>2</sup> sederhana.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, dengan hormat-nya saya kemukakan (*Tempok*).

**Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara):** Tuan Pengerusi, saya saku mengalu<sup>2</sup>kan peruntukan yang di-minta bagi perkhidmatan Kementerian Penerangan dan Penyiaran ini. Saya menyampaikan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, yang ini-lah pertama kali-nya Kementerian ini mempunyai Menteri yang bulat pada Kementerian ini sahaja, dan semenjak Yang Berhormat Menteri ini memegang Kementerian ini kita telah nampak akan tenaga dynamic-nya telah bertambah daripada Kementerian Penerangan dan Penyiaran.

Tuan Pengerusi, penerangan ada-lah suatu alat yang besar bagi pembinaan dan bagi menghadapi konferantasi sekarang ini. Dalam soal penerangan ini dalam negara Malaysia ini ada suatu segi penerangan yang kadang<sup>2</sup> menchengangkan saya sendiri, ia-itu penerangan di-Singapura. Saya sendiri kurang jelas ada-kah penerangan itu di-pegang juga otonomi-nya oleh Singapura atau oleh Kerajaan Pusat?

Sa-panjang yang saya faham penerangan dan penyiaran ada-lah kuasa Kerajaan Pusat, tetapi ada satu pertelengkahan tentang perkataan day-to-day programming. Kerajaan Singapura telah mentafsirkan itu dan menjadi alat penerangan dan penyiaran termasuk radio dan talivishen sa-bagai alat penerangan Kerajaan P.A.P. Singapura.

Dalam masa Dewan ini bersidang, Tuan Pengerusi, keseluruhan ucapan wakil<sup>2</sup> P.A.P. penuh di-siarkan oleh Radio Singapura, dan hanya sedikit—kalau ada sedikit sangat ucapan wakil<sup>2</sup> lain. Sa-patah bahkan nafas yang berhembus daripada hidong wakil<sup>2</sup> P.A.P. pun di-beritakan oleh Radio Singapura. Demikian juga T.V. Singapura. Saya maseh ingat saya melawat Singapura pada masa yang lalu—ta' tahu-lah sa-lepas kejadian hari ini kalau Kerajaan P.A.P. Singapura hendak tahan saya pergi Singapura—pada masa saya pergi Singapura, dan kebetulan rumah kawan tempat saya tinggal itu ada T.V. Pada masa itu sa-orang Menteri Kerajaan Pusat sedang melawat, gambar Menteri Kerajaan Pusat dalam siaran T.V. itu hanya di-beri barangkali 1/10 second—sekejap—sekelip, sa-lepas itu di-tayangkan gambar Menteri Hal Ehwal Masyarakat Singapura sampai 5 minit. Ini berlaku, Tuan Pengerusi. Dan saya merasa ini suatu perkara yang tidak adil kepada Perlembagaan sendiri. Ini suatu chara merampas hak Kerajaan Pusat dengan chara halus dengan chara tidak di-rasai, tetapi kita sedar dan kami lihat dan saya berharap bahawa suatu penyelesaian yang betul akan dapat di-chapai dalam perkara ini, kerana memang terchatit bahawa penerangan ada-lah pegangan Kerajaan Pusat. Tuan Pengerusi, saya tidak-lah hendak berchakap panjang, barangkali banyak Ahli<sup>2</sup> yang hendak berchakap.

Saya hendak pindah kepada Jabatan Radio. Saya suka menyatakan terusterang bahawa dalam Bahagian Melayu saya biasa buka, kemajuan ada-lah bertambah<sup>2</sup> dalam Bahagian Melayu Radio Malaysia, Kuala Lumpur. Banyak pembaharuan dan banyak perkara<sup>2</sup> yang patut di-buat yang dahulu tidak di-buat telah di-buat pada masa ini, terutama-nya dalam masa konfe-

ransi ini sesuai dengan suasana negara kita. Saya harap kemajuan ini akan terus terpelihara dan di-perluaskan dari satu masa ka-satu masa. Chuma satu, Tuan Pengerusi, ini saya hendak mengadu hal, saya ingat Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang lain pun turut bersama dengan saya, ia itu masa memberi ulasan Parliamen pukul 10.15 itu tidak kena sangat masa-nya. Pukul 10.15 orang sudah tidor, pada hal pukul 8.15 masa yang bagus; dahulu saya ingat, Tuan Pengerusi, pukul 8.15 atau 8.20 sedang elok lepas warta berita, jadi lepas warta berita orang hendak dengar macham mana cherita lebeh lanjut tentang Dewan Ra'ayat Sekarang 10.15, kena tunggu—memang sengaja tunggu untuk mendengar ulasan Dewan Ra'ayat. Tentu-lah orang<sup>2</sup> dan ra'ayat sakalian hendak tahu apa wakil ra'ayat-nya buat dalam Dewan ini, macham mana sikap masing<sup>2</sup> parti, adil atau ta' adil, baik atau tidak, apa yang di-perjuang dan apa yang di-perkata. Ini semua hendak di-ketahui, tetapi beri pukul 10.15. Saya minta ini satu sahaja, kalau boleh, di-ubah masa-nya di-chepatkan-lah sedikit.

Ada suatu bahagian dalam Jabatan Radio ini yang memainkan peranan yang penting ia-itu Bahagian Warta Berita dan keseluruhan berita yang di-chakapkan oleh radio terbit daripada Bahagian Warta Berita. Saya merasa pada hari ini pun Master Bulletin warta berita ini maseh dalam bahasa Inggeris, kerana sa-tahu saya belum ada pengarang yang boleh menjalankan kerja-nya dengan Bahasa Kebangsaan dalam Jabatan Radio hari ini, bahkan langsung tidak ada, kalau ada pun sa-orang, barangkali. Jadi bagini, Tuan Pengerusi, bila sa-saorang, kata-lah, Perdana Menteri berchakap atau membuat satu ucapan yang penting dalam bahasa Melayu, ucapan itu sampai kepada radio, radio ambil dan terjemahkan ka-bahasa Inggeris buat Master Bulletin, kemudian hendak hantar kepada siaran Melayu terjemahkan balek bahasa Inggeris itu ka-bahasa Melayu, kadang<sup>2</sup> berubah ma'ana yang asal. Ini yang berlaku pada hari ini.

Tahun 1967, 2 tahun sahaja lagi hadapan, bukan-nya lama. Usaha<sup>2</sup> yang

sa-benar<sup>2</sup> yang berupa dapat di-lihat dalam menjadikan Bahasa Kebangsaan itu Bahasa Rasmi pada tahun 1967 itu harus di-mulakan-lah daripada alat<sup>2</sup> besar Kerajaan sa-bagai radio ini, tetapi sampai hari ini pun satu langkah yang nyata belum lagi dapat di-lihat. Banyak-lah nanti alasan-nya. Saya pun biasa dengan pegawai<sup>2</sup> di-Radio Malaysia, semua-nya kawan<sup>2</sup> yang baik dan chekap semua-nya: tidak ada orang, tidak ada mampu, nanti hendak chari orang dahulu, hendak lateh dahulu, tetapi akhir-nya sampai berapa tahun pun kita menunggu<sup>2</sup>, macham menunggu buahangka yang tidak gugor. Ini-lah kita tunggu daripada tahun berapa dahulu, sudah-lah kita menunggu dari sa-tahun ka-satahun barangkali banyak Ahli yang lain dahulu telah bangkitkan hari ini, nanti dari sa-tahun ka-satahun tidak juga nampak<sup>2</sup>. Saya ingat suatu langkah permulaan harus di-buat-lah mulai tahun 1965 ini, dan saya perchaya Menteri yang baharu ini yang sedar tanggung-jawab-nya, yang sedar akan penting-nya peranan bahasa kebangsaan itu akan dapat-lah di-mulakan langkah ini dalam tahun 1965 ini. Saya harap dia boleh menolak jentera dan Radio ini bergerak dengan lichin dan lebeh laju. Barangkali ada banyak duri, saya ingat, dengan jentera yang kuat berjalan duri<sup>2</sup> itu akan patah.

Ada pegawai<sup>2</sup> yang baharu di-ambil dalam bahagian warta berita ini pun bukan orang yang ada kebolehan dalam bahasa kebangsaan, kalau kata sungguh ada usaha hendak perlahan<sup>2</sup> menjadikan bahasa kebangsaan itu satu bahasa yang dapat di-gunakan sa-bagai bahasa kerja pun tidak dapat nampak recruitment di-jalankan oleh Radio dalam bahagian warta berita pada masa<sup>2</sup> yang akhir<sup>2</sup> ini.

Saya beredar, Tuan Pengerusi, ta' usah banyak chakap-lah orang lain boleh tambah<sup>2</sup> lagi, saya berchakap sadikit<sup>2</sup> sahaja. Bahagian Talivishen, kita boleh megah hari ini atas kemajuan yang telah di-chapai oleh Talivishen kita dalam masa yang singkat, ini satu perkara yang kita banggakan. Tetapi Talivishen satu perkara yang baharu dan sa-bagaimana telah saya katakan dalam ucapan dasar kelmarin

lengkongan ia-lah terbatas kepada orang<sup>2</sup> yang berada dan orang di-bandar<sup>2</sup> yang lebeh sophisticated. Jadi kalau demikian keadaan-nya dengan kita menghadapi peranan yang besar dan banyak segi dan banyak bidang pada masa ini, kita harus berhati<sup>2</sup> dan perlahan<sup>2</sup> berjalan Talivishen ini terutama ranchangan hendak membesarkan—membesar dalam erti kata kalau ada-lah satu chadangan, sekarang ada channel—satu saluran—hendak tambah satu saluran lain—biar-lah jangan kita buka channel itu sahaja, boleh kita buka channel 5 ada, channel 8 ada, hendak bertambah channel 10 ada, umpama-nya, kita perlahan<sup>2</sup>-lah jangan kita menerkam di-situ, kerana kita baharu sangat kenal dengan Talivishen ini dan belanja-nya besar. Saya fikir untuk hendak menchapai faedah kepada ra'ayat ini orang lebeh ramai mendengar Radio lebeh baik kita besarkan Radio. Beri banyak bantuan kepada Radio dalam keutamaan—dalam priority di-jalankan, priority kepada Radio harus lebeh daripada priority Talivishen. Ini panduan harus kita jalankan supaya dengan demikian maka tidak tempang di-dalam kita menjalankan untuk membesarkan alat<sup>2</sup> penerangan itu. Jadi itu-lah kalau ada ranchangan hendak mengadakan saluran yang baharu saya merasa biar-lah di-undorkan lebeh dahulu menengok sa-takat mana keadaan saluran yang ada pada hari ini, kerana saya ingat saluran satu yang ada itu pun sudah boleh memberi, bagi sementara ini, akan kehendak dan keperluan dan keinginan banyak orang.

Kemudian, Tuan Pengerusi, Jabatan Penerangan. Perkara yang pertama saya hendak sentoh ia-lah soal Pegawai<sup>2</sup> Penerangan Seberang Laut. Pada hari ini barangkali ada 6 Kedutaan kita yang ada mempunyai Pegawai Penerangan. Kerana sekarang ini Pegawai Penerangan yang di-tempatkan di-Kedutaan luar negeri tundok di-bawah Jabatan Penerangan bukan di-bawah Kementerian Luar Negeri, ini satu susunan yang kena pada tempat-nya, saya rasa, kerana saluran itu boleh berjalan dengan baik. Ada beberapa tempat lagi yang perlu di-penuhi. Saya rasa sudah lambat sangat untuk

di-penuhi. Di-New Delhi ada sekarang, di-Bangkok ada, di-London ada, di-Washington ada. Ada tempat yang penting ia-itu di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu kita belum ada pegawai penerangan. Ada tempat yang penting ia-itu di-Cairo kita belum penohkan pegawai penerangan pada hal ini-lah tempat yang sangat kita perlukan; di-pusat Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, New York dan di-Cairo, tempat ini perlu sangat kita penohi jawatan pegawai penerangan ini. Dan saya rasa kalau kita sunggoh<sup>2</sup> menchari orang memang akan berjumpa juga orang-nya; tidak payah untuk menerima jawatan ini.

Kemudian saya jengok sedikit dalam Jabatan Penerangan ini kepada Bahagian Khas. Saya nampak untuk tahun 1965 dalam Bahagian Khas di-tambah lagi 10 orang Pegawai Pembantu Luar. Satu perkara yang saya hairan ia-itu elaun Pembantu Luar, dahulu 50 orang elaun-nya \$16,000 tahun hadapan ini menjadi 60 orang menjadi \$14,000, makin kurang. Kalau orang 50 elaun-nya banyak, orang 60 elaun-nya makin sedikit, bagaimana mereka itu hendak menjalankan tugas kalau elaun-nya di-kurangkan. Kerana mereka kalau keluar berjalan jauh kerana bermalam tentu-lah mereka di-bayar elaun, kalau di-potong elaun itu erti-nya mereka hanya di-suroh pergi dekat<sup>2</sup> balek, dekat<sup>2</sup> balek, tidak sampai ka-mana hendak pergi, tidak dapat-lah mereka itu hendak menjalankan tugas-nya dengan sa-penoh-nya dan ini saya harap di-berikan pertimbangan sa-mula.

Dalam perkara penerangan ini, Tuan Pengerusi, salah satu perkara ia-lah soal akhbar, dan satu perkara yang saya hendak menarek perhatian Dewan ini ia-lah tentang sa-buah akhbar yang mengaku diri-nya akhbar national atau national newspaper tetapi dasar dan perjalanan-nya ia-lah anti-national. Saya ada-lah maksudkan surat khabar *Straits Times*. Surat khabar ini pada masa<sup>2</sup> yang akhir ini chuba bermuka<sup>2</sup> mengadakan penyiaran pelajaran bahasa kebangsaan—dua kali sa-minggu, berapa kali sa-minggu-kah—ia-lah sa-buah akhbar yang anti bahasa kebangsaan, sa-hingga ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada bulan bahasa tidak di-

